

Tiada alasan naik harga gula

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 23 Sept. – Kerajaan tidak nampak mengapa harga gula perlu dinaikkan kerana pengilang gula tempatan masih mendapat untung hasil jualan barang kawalan itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehiwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal berkata, harga gula mentah yang diimport juga turun daripada RM1,300 metrik setan kepada RM938 metrik setan.

“Keadaan sekarang nampak stabil. Pengeluar gula dunia, Brazil juga tidak menggalakkan penggunaan gula untuk etanol manakala harga minyak dunia pula telah turun,” kata beliau.

Beliau berkata, hasil semakan akaun empat pengilang gula baru-baru ini mendapati mereka masih membuat keuntungan.

“Walaupun gula kasar rugi sikit satu atau dua sen, tapi harga gula halus boleh untung dalam lingkungan 13 sen. Kemudian mereka nak naikkan harga sebab harga gula kita masih rendah,” katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas melancarkan Skuad Peng-

Hasil semakan akaun empat pengilang gula baru-baru ini mendapati mereka masih membuat keuntungan

– Shafie Apdal

guna Bestari Pergerakan Puteri UMNO dengan kerjasama Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) di sini hari ini, beliau berkata, pengilang gula tempatan masih untung dengan harga sekarang.

Kerajaan juga kata beliau, turut pertama kalinya menetapkan harga gula di peringkat kilang, pemborong, peruncit dengan semua rantaian itu mendapat keuntungan masing-masing.

Bagaimanapun, jika pengilang masih terbeban dengan harga sedia ada, kerajaan sedia mengkaji semula harga gula dengan syarat memberitahu kos yang menjadi bebanan mereka selama ini, ujar beliau.

Shafie berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kenaikan harga gula akan membantu memulihkan penawaran barangan kawalan itu dalam pasaran tempatan.

Mengulas perkembangan yang sama, Shafie turut mengakui unsur-unsur monopoli dalam pengalihan barang kawalan di semua peringkat boleh menjejaskan penawaran semasa.

“Kadang-kadang kita tahu macam kilang gula, di peringkat pemborong dia tengok rangkaian peruncit pula. Pemborong menyatakan nak beli gula kena beli beras, tepung dan sebagainya daripada mereka.

“Ini yang mengganggu dan menjejaskan agihan barang-barang keperluan. Seperti gula contohnya, pusat pengedarannya di Shah Alam tapi pemborong di Kuala Lumpur.

“Pemborong di Kuala Lumpur ini mengedarkan kepada peruncit di Shah Alam. Patutnya peruncit di Shah Alam boleh dapatkan di Shah Alam tanpa perlu ke Kuala Lumpur,” kata beliau.

Sehubungan itu katanya, kera-



SHAFIE APDAL

jaan sudah mengarahkan pengalihan barangan yang dikawal kerajaan memiliki satu sistem pembahagian pengedaran yang terbaik.

Shafie turut meminta pekilang gula tempatan mempertingkatkan pengeluaran gula kasar serta dilarang mengeksportnya berikutan permintaan terhadap bara-

ngan itu dijangka meningkat tiga kali ganda sempena musim perayaan ini.

“Saya minta dalam musim perayaan ini juga jangan eksport gula sama sekali. Tidak guna kita kata gula ada di kilang tetapi di peringkat bawah masih kurang,” katanya.

Pengilang juga kata beliau, telah memberi jaminan kepada kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran gula kasar berikutan permintaan domestik yang semakin meningkat.

Terdahulu, Shafie melancarkan logo dan Skuad Pengguna Bestari, anjuran pergerakan Puteri UMNO dengan kerjasama Gabem, yang bertujuan memantau, memberi maklum balas dan mendidik masyarakat mengenai isu pengguna di negara ini.

Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad berkata, skuad itu dianggotai anggota Pergerakan Puteri UMNO di peringkat akar umbi dari 191 bahagian dan lebih 5,000 cawangnya di seluruh negara.

Hadir sama, Pengerusi Gabem yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

MM-24/9/2006